

Lagu *Lagenda* berkumandang sambut ketibaan Mahathir

UM 1 - OCT 2003

LANGKAWI 30 Sept. — Lagu *Lagenda* yang penuh dengan mesej penghargaan, berkumandang dalam Dewan pameran segmen maritim di Awana Porto Malai sebaik sahaja Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba untuk melawat tapak pameran Bussines Focus Group, hari ini.

Lagu yang dipopularkan oleh Sheila Majid dan didendangkan semula oleh penyanyi *evergreen*, Datuk Sharifah Aini itu ditujukan khas kepada Perdana Menteri sebagai menghargai jasa bakti pemimpin negara itu khususnya dalam memperkenalkan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA '03) sejak 12 tahun lalu.

Para hadirin dan tetamu yang hadir pada majlis itu terpaku dan menghayati bait-bait lagu tersebut yang dinyanyikan secara *live* oleh penyanyi terkenal itu sambil menyaksikan tayangan klip video mengenai

kejayaan Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir.

Klip video tersebut antara lain menceritakan mengenai kemajuan dan pembangunan yang dicapai oleh negara sejak beliau mengambil alih pimpinan negara seperti pembinaan Jambatan Pulau Pinang, Menara Berkembar Petronas, Koridor Raya Multimedia dan sebagainya.

Ia juga menayangkan mengenai pertemuan Perdana Menteri dengan tokoh-tokoh dunia seperti pemimpin Palestin, Yassier Arafat; Presiden Libya, Muammar Ghadafi; Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush dan lain-lain.

Dr. Mahathir sebelum itu menyaksikan demonstrasi mencari dan menyelamatkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kastam Diraja serta Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Kecekapan anggota-ang-

gota bomba menyelamatkan 'mangsa' lemas menarik perhatian orang ramai yang memenuhi pekarangan Awana Porto Malai.

Perdana Menteri kemuhiannya menghabiskan masa kira-kira dua jam menyaksikan pameran maritim sebelum menaiki bot melawat kapal-kapal yang berlabuh di sekitar jeti Awana Porto Malai.

Di antara kapal-kapal yang mengambil bahagian pada pameran kali ini ialah PNS Nasr dari Pakistan, INS Delhi dan INS Kora dari India serta FNS Marni dari Perancis dan HMAS Arunta dari Australia.

Sementara TLDM turut mempamerkan kapal kapal termoden miliknya termasuk KD Lekiu dan KI Jebat di samping kapal ronda dan KLD Tunas Samudera iaitu kapal layar yang digunakan sebagai latihan.